

PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI KERAJAAN NEGERI PERAK

1. OBJEKTIF

Memberi kemudahan pinjaman pelajaran kepada Warganegara Malaysia khususnya anak Perak yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke institusi-institusi pengajian tinggi yang ditaja dan seterusnya menyumbang kepada Wawasan Perak Amanjaya

2. KAEDAH MEMOHON

Semua permohonan boleh dibuat melalui aplikasi berikut :

- (i) <http://spptp.perak.gov.my> ; atau
- (ii) laman web Kerajaan Negeri Perak iaitu di www.perak.gov.my

3. SYARAT - SYARAT PERMOHONAN

- * Pemohon dan ibu atau bapa lahir di Negeri Perak;
- * Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di luar Negeri Perak telah bermastautin di dalam Negeri Perak lebih daripada 10 tahun;
- * Pemohon dan ibu atau bapa yang lahir di Negeri Perak tetapi beralamat di luar Negeri Perak telah bermastautin di dalam Negeri Perak lebih dari 10 tahun ;
- * Pemohon mestilah mengikuti kursus pengajian Sepenuh Masa;
- * Bagi pemohon yang sedang belajar hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya baki tiga (3) semester atau satu (1) setengah tahun tempoh pengajian (Tempoh Pengajian mengambil kira semester panjang sahaja);
- * Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM 5,000.00;
- * Umur pemohon pada tahun semasa mestilah :

DIPLOMA

- Tidak melebihi 26 tahun dan 41 tahun bagi yang berkhidmat dengan Kerajaan

IJAZAH / SARJANA MUDA

- Tidak melebihi 36 tahun dan 41 tahun bagi yang berkhidmat dengan Kerajaan

IJAZAH SARJANA

- Tidak melebihi 36 tahun dan 40 tahun bagi yang berkhidmat dengan Kerajaan

IJAZAH KEDOKTORAN (PH.D)

- Tidak melebihi 36 tahun dan 40 tahun bagi yang berkhidmat dengan Kerajaan

4. KADAR PINJAMAN

BIL.	PERINGKAT PENGAJIAN	KATEGORI	KADAR SETAHUN (RM)
1	DIPLOMA		5,000.00
2	IJAZAH / SARJANA MUDA	PERUBATAN (MBBS) *PELAJAR QUEST INTERNATIONAL UNIVERSITY PERAK (QIUP) SAHAJA	18,000.00
		SAINS	6,500.00
		SASTERA	6,000.00
		PENGAJIAN ISLAM (JORDAN SAHAJA)	12,000.00
3	IJAZAH SARJANA	TEMPOH TAJAAN 2 TAHUN (BERMULA DARI TARIKH KEMASUKAN UNIVERSITI)	10,000.00
4	IJAZAH KEDOKTORAN (PH.D)	TEMPOH TAJAAN 3 TAHUN (BERMULA DARI TARIKH KEMASUKAN UNIVERSITI)	15,000.00

5. KADAR BAYARAN BALIK

BIL.	JUMLAH PINJAMAN	ANSURAN BULANAN
1	RM0.00 - RM10,000.00	RM150.00
2	RM10,001.00 - RM20,000.00	RM200.00
3	RM20,001.00 - RM30,000.00	RM250.00
4	RM30,001.00 - RM40,000.00	RM300.00
5	RM40,001.00 - RM50,000.00	RM350.00

*** Setiap RM10,000.00 , kadar bayaran bulanan akan dinaikkan sebanyak RM50.00

*** Peminjam di peringkat Ijazah Sarjana Muda yang bergraduasi dengan Ijazah Kelas Pertama, mereka boleh mengemukakan permohonan untuk menukarkan pinjaman kepada biasiswa.

6. SENARAI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DAN KURSUS YANG DITAJA

(i) Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan (IPTA) :

(a) Semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) - Semua jenis kursus yang ditawarkan oleh pihak IPTA

(ii) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) :

(a) Semua Intitusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bertaraf Universiti dan Kolej Universiti dalam Negara - Semua jenis kursus yang ditawarkan oleh pihak IPTS yang diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA)

(b) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bertaraf Institusi atau Kolej di dalam Negeri Perak sahaja - Semua jenis kursus yang ditawarkan oleh pihak IPTS yang diiktiraf oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA).

(iii) Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara (Jordan sahaja)

(a) Pengajian Islam sahaja

7. KAEDAH BAYARAN BALIK PINJAMAN PENGAJIAN TINGGI

1. Secara Tunai

(a) Di Kaunter Unit Pinjaman Pengajian Tinggi : Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Aras 3, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

(b) Di Kaunter Unit Pinjaman Pengajian Tinggi, UTC 26 & 28, Bangunan UTC Perak, Jalan Dato' Onn Jaafar, 30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

2. Secara Pos

(a) Mengemukakan Wang Pos, Pos Kiriman Wang, Cek ataupun Bank Draf di atas nama: "BENDAHARI NEGERI PERAK"

3. Potongan Gaji

(a) Lengkapkan borang "Lampiran B" (boleh didapati di Unit Pinjaman Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri Perak) dan kemukakan kepada majikan untuk tindakan selanjutnya.

4. Arahan Kepada Bank (Standing Instruction)

(a) Sila hubungi mana-mana bank simpanan individu yang menyediakan perkhidmatan tersebut.

5. Pengeluaran Caruman KWSP

(a) Tertakhluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, dapatkan maklumat lanjut di laman web: <http://www.kwsp.gov.my>

6. Secara Online Melalui Maybank2u

(a) Layari <http://www.maybank2u.com.my>